

13/02/2000

Dr M ingatkan bahaya monopoli firma gergasi

Manja Ismail in Bangkok

BANGKOK: Sesi ke-10 Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD X) yang bermula semalam, diingatkan mengenai bahaya monopoli oleh firma gergasi dunia atas nama liberalisasi dan globalisasi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyuarakan kebimbangannya mengenai kemungkinan itu berkata, penguasaan pasaran oleh syarikat besar (oligopoli) di seluruh dunia sudahpun berlaku.

"Secara terus terang, saya bimbang dan takut dengan usaha syarikat dalam industri dan perniagaan tertentu, merebut peluang daripada proses liberalisasi dan globalisasi.

"Saya merujuk kepada pengabungan dan pengambilalihan yang menjadikan syarikat besar lebih besar. Kini banyak syarikat seumpama itu, dari segi kewangan, lebih berkuasa daripada negara bersaiz sederhana.

"Sementara kita mengalu-alukan kerjasama mereka dengan syarikat tempatan, kita takut jika dibenar masuk ke negara kita tanpa syarat, mereka akan menelan semua perniagaan kita," katanya berucap dalam sidang pleno UNCTAD X di Pusat Convention Queen Sirikit, di sini.

Tanpa menyebut secara khusus firma gergasi itu, Perdana Menteri dipercayai merujuk kepada penggabungan syarikat pengendali perkhidmatan Internet terbesar dunia, American On Line dengan gergasi media, Time Warner.

Pengabungan yang diumumkan pada Januari lalu itu, mewujudkan aset keseluruhan bernilai AS\$172 bilion.

Dr Mahathir percaya jika kuasa pasaran dibenar secara bebas berbuat demikian, oligopoli nanti mungkin berakhir dengan monopoli.

"Saya percaya semua bersetuju monopoli adalah tidak baik. Mungkinkah sesuatu perbadanan itu, yang bukan monopoli di negara asalnya boleh menjadi monopoli di semua tempat lain?

"Jika ini berlaku, apakah undang-undang yang boleh digunakan? Dan jika kita menyekat mereka, adakah kita akan dituduh tidak menyertai globalisasi dan liberalisasi," katanya.

Beliau juga berkata, jika UNCTAD mahu menjadikan globalisasi satu instrumen berkesan kepada pembangunan untuk semua, ia perlu memberi perhatian serius terhadap kebimbangan negara membangun mengenai masa depan sistem ekonomi dan kewangan dunia dalam era saling bergantung dan globalisasi ini.

UNCTAD juga perlu membenarkan negara membangun memberikan pandangan dalam menterjemah dan membentuk kuasa baru yang diwujudkan oleh dunia global di mana dasar dan amalan diseragamkan untuk melancarkan perdagangan dan pelaburan.

"Bagaimanapun, kita jangan lupa bahawa UNCTAD bukan hanya mengenai perdagangan. Ia juga amat banyak mengenai pembangunan dan pembangunan adalah keperluan khusus negara membangun.

"Forum lain sudah dikhususnya untuk perdagangan. UNCTAD ialah satu daripada segelintir yang peka dengan pembangunan dan kerana itu, ia amat penting kepada negara membangun," katanya.

(END)